

29/04/2001

Mokhzani ingin tumpu masa bersama keluarga

KUALA LUMPUR: Datuk Mokhzani Mahathir yang mengumumkan pengunduran dari dunia korporat, Khamis lalu, berkata beliau belum mempunyai apa-apa rancangan khusus tetapi sedang menimbangkan beberapa pilihan.

"Saya ingin menumpukan masa bersama keluarga sebelum membuat keputusan langkah seterusnya," katanya kepada New Strats Times di sini, semalam.

Mokhzani yang juga Ketua Eksekutif Pantai Holdings Bhd dan Tongkah Holdings Bhd kelmarin, mengumumkan keluar dari dunia korporat.

Beliau mempunyai 12.6 peratus kepentingan langsung dalam Tongkah Holdings dan 32.9 peratus dalam Pantai Holdings.

Keputusan itu dibuat kerana anak Perdana Menteri itu kecewa dengan tohmahan pihak tidak bertanggungjawab memburukkan nama beliau serta bapanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mokhzani juga menyelar sikap pihak tertentu yang menggunakan Internet dan pelbagai media lain memburukkan kepemimpinan kerajaan.

"Saya berharap rakyat dapat melihat sendiri kejadian sebenar terhadap apa yang berlaku di Malaysia. Jangan terlalu emosi dalam membuat keputusan dan kesimpulan," katanya.

Beliau berkata, walau sebanyak mana sekalipun usaha memburukkan kerajaan, rakyat akhirnya akan tahu 'siapa yang bercakap benar dan siapa yang menipu'.

"Lebih banyak dilakukan (golongan tertentu) mencemarkan negara ini oleh mereka yang tinggal di negara ini. Ini adalah sesuatu yang saya tidak faham," katanya.

Beliau berkata, antara sebab beliau mengambil keputusan berhenti menjadi Ketua Eksekutif Pantai Holdings Bhd dan Tongkah Holdings Bhd kerana dakwaan terhadap jenis perniagaan dijalankannya.

Katanya, ramai mendakwa kerajaan pilih kasih terhadap syarikat yang dikuasainya.

"Berdasarkan ini mereka menganggap saya mendapat layanan istimewa dan pelbagai lagi, yang mana tiada satu pun yang benar," katanya yang juga Penolong Bendahari Pemuda Umno.

Mengenai kritikan sesetengah pihak bahawa pembabitannya dalam perniagaan sama seperti yang dilakukan anak bekas Presiden Indonesia, Suharto, Tommy, beliau berkata:

"Bagi menghormati negara jiran itu dan pentadbirannya, saya berasa segala apa yang diberikan kepada keluarga Presiden itu seperti penswastan dan monopoli, anda boleh lihat ia tidak langsung berlaku di sini."

(END)